

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
*THE 4TH SEMINAR ON
DEVELOPING & SUSTAINING SAFETY CULTURE IN MALAYSIA*
PADA HARI SELASA, 25 OKTOBER 2016, PUKUL 10.30 PAGI
DI SUNWAY PUTRA HOTEL, KUALA LUMPUR**

**[DIBACAKAN OLEH
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)]**

SALUTASI

Saudara dan saudari pengacara majlis;

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Haji Abd Mutalib,

Timbalan Menteri Sumber Manusia;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed,

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi),

Pertubuhan Keselamatan Sosial;

Yang Berusaha Encik Abdul Kahar Husin,
Pengarah, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negeri Selangor
mewakili Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
Malaysia;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Zularisam Abdul Wahid,
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan;

Dr. Norazura Ismail,
Pengerusi *The 4th Seminar On Developing & Sustaining Safety Culture
In Malaysia* (DSSCM IV);

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat
Tanggungjawab;

Wakil-wakil penaja DSCCM IV,

Para pengucaptama, pembentang kertas kerja dan peserta seminar;

Wakil-wakil media massa;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat hadir bersama tetamu sekalian dalam majlis perasmian DSSCM IV pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang tidak dapat hadir atas urusan rasmi yang mustahak pada pagi ini dan telah mewakilkan saya untuk menyampaikan ucapan alu-aluan ini bagi pihak beliau sempena majlis perasmian ini.

3. Bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan setinggi-tinggi penghargaan kepada tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail Haji Abd Mutalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia atas kesudian beliau untuk hadir bagi menyempurnakan perasmian DSSCM IV pada pagi ini.

4. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri bukanlah sekadar menyerikan lagi acara ini, malah lebih dari itu, membuktikan sokongan berterusan Kementerian Sumber Manusia terhadap pelbagai inisiatif yang digerakkan oleh pelbagai pihak di UMP, khususnya oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan untuk meningkatkan advokasi mengenai pembudayaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara terarah, sama ada kepada orang awam mahu pun kepada komuniti intelektual, profesional dan teknokrat.

KEMATANGAN DSSCM

5. Yang Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

DSSCM yang kini telah memasuki edisi keempat merupakan sebahagian daripada inisiatif utama yang diterajui oleh UMP melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan dalam konteks yang dinyatakan sebentar tadi. Sejak edisi pertamanya pada tahun 2012, seminar ini telah berevolusi dari segi skala penganjuran dan parameter penyertaannya sehinggalah ke tahap yang kita saksikan pada hari ini.

6. Sepanjang tempoh tersebut juga, seminar ini telah turut mencapai kematangan dalam konteks tema dan kandungan wacananya, sekaligus mengisyaratkan peranan signifikannya dalam menggalakkan pemahaman awam terhadap isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia melalui penglibatan konstruktif kalangan akademia serta para profesional dan teknokrat untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka yang berkaitan.

7. Justeru, edisi keempat DSSCM ini mengemukakan dimensi yang lebih strategik dalam konteks penyertaan sektor awam dan swasta melalui temanya iaitu *Paradigm Shifts in Safety Culture: Government and Corporate Responsibilities* yang jika diterjemahkan ke bahasa kebangsaan bermaksud “Anjakan Paradigma dalam Budaya Keselamatan: Tanggungjawab Kerajaan dan Korporat”.

8. Dengan tema tersebut, maka DSSCM yang akan berlangsung selama dua hari hingga 26 Oktober 2016 akan mengupas pelbagai isu yang berkaitan dengan tema tersebut terutamanya dalam konteks amalan pengaturan sendiri (self-regulation), kaedah pencegahan, perspektif penguatkuasaan dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

9. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keberkesanannya sebagai suatu medan pewacanaan pengetahuan dan pengalaman secara ilmiah, edisi keempat DSSCM ini menampilkan satu sesi ucap tama dan sembilan sesi pembentangan kertas kerja dan satu sesi forum oleh para tokoh yang mewakili pelbagai sektor dan bidang. Sukacita saya memaklumkan bahawa agensi kerajaan dan badan korporat yang diwakili dalam semua sesi tersebut meliputi Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Ahmad Zaki Resources Berhad, Pertubuhan Keselamatan Sosial, CTRM Aero Composite Sdn Bhd, Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia, Malaysian Industrial Hygiene Association, Human Factors & Ergonomics Society Malaysia, PETRONAS, UMW Oil & Gas Corporation Berhad,

Universiti Malaysia Sabah, MS Smart Management Sdn Bhd, NIOSH, Kualiti Alam Sdn Bhd dan Kolej Universiti Islam Melaka.

10. Penglibatan tokoh-tokoh berkaliber dari pelbagai sektor, lapangan dan bidang tersebut pada hemat saya, berupaya memberikan impak yang lebih signifikan dalam konteks pemahaman peserta terhadap isu-isu yang diwacanakan di samping membuka ruang interaksi sosial dalam kalangan peserta untuk membina jaringan profesional sepanjang tempoh seminar ini.

HARAPAN DAN KATA PENUTUP

11. Yang Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sukacita juga saya menyebut di sini bahawa edisi keempat DSSCM ini tidak mungkin dapat disempurnakan penganjurannya dengan cekap dan berkesan tanpa penglibatan rakan-rakan strategik iaitu Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia serta kalangan penganjur bersama dan penaja

yang telah memberikan komitmen dan sokongan konstruktif mereka terhadap seminar ini.

12. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penganjur bersama seminar iaitu PERKESO dan UAE Advanced Education Sdn Bhd dan juga para penaja iaitu Active Acoustic Engineering Sdn Bhd, Qinos, Biotek Abadi Sdn Bhd dan Puncak Generasi.

13. Adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan UMP agar Kementerian Sumber Manusia dapat terus memberikan kerjasama dan sokongan berterusan terhadap inisiatif-inisiatif sebegini yang dilaksanakan oleh Universiti ini sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Saya percaya, dengan sokongan berterusan tersebut, skala penganjuran dan parameter penyertaan acara-acara seperti seminar ini dapat dipertingkatkan dan diperbesarkan lagi pada masa akan datang dengan liputan manfaat yang lebih lebar.

14. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Dekan dan warga Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP atas komitmen dan perkhidmatan cemerlang mereka bagi menjayakan penganjuran edisi keempat DSSCM ini.

15. Saya berharap agar warga seminar sekalian berpuas hati dengan khidmat dan layanan pihak UMP sepanjang DSSCM kali ini dan berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada kita semua dengan naungan kecemerlangan, keselamatan dan kesejahteraan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.